

## BAB ENAM

### MENYUKAT DAN MENANDA SEMPADAN

#### 6.0 PENDAHULUAN

Perjanjian di antara Kerajaan Great Britain dengan Siam di Bangkok pada 10 Mac 1909 telah menghasilkan persetujuan 8 artikel bersama-sama dengan 2 protokol yang menjadi kembaran (annex). Perjanjian ini amat memerlukan banyak pihak di negeri-negeri Melayu dan juga di Siam, terutamanya di Bangkok. Di kalangan Raja-raja Melayu, perjanjian ini telah memperkuatkan lagi cengkaman penjajahan British ke atas negeri mereka. Segala urusan pentadbiran negeri sudah berada dalam tangan penjajah. Mereka tidak lagi bebas dalam mengatur gerak pemerintahan dan pentadbiran. Seperkara lagi, berakhirlah sudah penguasaan mereka terhadap lima faktor yang menjadi penentu kuat atau lemahnya sesebuah kerajaan. Kini semuanya ditentukan oleh pihak yang menjajah dan hilanglah untuk selama-lamanya kuasa dan kawasan tanpa garis sempadan yang selama ini mereka pertahankan. Keputusan perjanjian ini juga menghendaki supaya ada satu penyelesaian sempadan yang tetap, bertanda dan kekal untuk selama-lamanya.

Artikel 1 dari perjanjian tersebut telah menggariskan:

"The Siamese Government transfer to the British Government all rights suzerainty, protection, administration and control whatsoever which they possess over the State of Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis, and adjacent islands. The frontiers of these territories are defined by the Boundary Protocol annexed hereto".

Maka terserahlah negeri-negeri tersebut kepada Kerajaan British tanpa perundingan dengan mereka. Berbagai reaksi telah diutarakan oleh pemerintah-pemerintah Melayu yang terlibat. Umpamanya, Sultan Kedah melahirkan perasaannya dengan merasakan dirinya "been totally ignored by Britain and Siam" dan menganggap tindakan Siam sebagai penjual kuda yang tidak pernah bertanya kepada kuda apabila ia hendak dijual.<sup>1</sup> Begitu juga dengan Sultan Terengganu yang hanya mengetahui melalui akhbar telah menganggap "Siam sebagai pencuri yang memberi barang kepada orang lain yang bukan haknya".<sup>2</sup>

Sebelum itu, Sultan Kedah yang mengetahui akan perundingan yang melibatkan negerinya pada awal tahun 1908 telah membuat bantahan.<sup>3</sup> Baginda juga telah bertindak lebih jauh lagi dengan meminta Peguamnya Arthur C. Adams di Pulau Pinang membuat bantahan rasmi melalui saluran perundangan bagi mempertikaikan apa yang sedang dilakukan oleh Siam dan British terhadap negerinya. Bagi baginda, sebarang urusan berkaitan dengan negerinya haruslah dirundingkan bersama. Sekurang-kurangnya baginda diberitahu tentang perancangan dan keputusannya sebelum baginda mengetahui dari pihak lain.<sup>4</sup> Begitu juga dengan Sultan Terengganu, baginda mendapat pengesahan berita penyerahan negerinya kepada British oleh Siam melalui August Katz yang melawat baginda bagi tujuan mengembangkan perniagaan. Sebagai menunjukkan rasa marah baginda terhadap Siam yang bertindak di luar haknya kepada negeri Terengganu, baginda telah memberikan contoh

perbuatan Siam itu tidak ubah seperti "as if I were to seize your watch and sell it to some other person".<sup>5</sup> Ini belum lagi mengambil kira perasaan mereka apabila mengetahui sebahagian dari wilayah mereka terlepas secara terhormat kepada Siam apabila persempadanan baru diperkenalkan.

Bagi memenuhi maksud perjanjian, ia mesti disahkan dalam masa 4 bulan seperti kehendak Artikel 8 dan serah-terima mesti dibuat dalam masa 30 hari dari tarikh pengesahan (Artikel 2). Gabenor John Anderson telah menandatangani pengistiharan persempadanan Perak-Reman pada 27 Julai 1909<sup>6</sup>. Pengambilan negeri-negeri ini telah dilaksanakan melalui pegawai-pegawai yang telah dilantik seperti W. L. Conlay (Pegawai Polis Negeri Melayu Bersekutu) mengambil alih negeri Terengganu pada 14 Julai. W.G. Maxwell (Peguamcara Negeri Melayu Bersekutu) mengambil alih negeri Kedah, J.S. Mason (Pegawai Kewangan Perak) mengambil alih negeri Kelantan, dan Meadow Frost (Konsol British di Kedah) mengambil alih negeri Perlis pada 15 Julai. Manakala E.W. Birch (Residen Perak) mengambil alih wilayah Reman pada 16 Julai.<sup>7</sup> Kesemua mereka (kecuali E.W Birch ialah Residen Perak dan W.L. Conlay menjadi Ejen British sahaja) dilantik menjadi Penasihat British kepada kerajaan negeri tersebut berkuatkuasa serta merta pada 14 dan 15 Julai. Mereka mengambil alih pemerintahan negeri dari wakil Siam seperti Phra Pisai Sunthornkar di Kelantan, Phra Bhakdi di Kedah, Mom Chao Padibhat di Perlis pada 15 haribulan dan Raj Bharakit (Wan Husein) menyerahkan wilayah Reman dan pengesahan persempadanan baru di Betong,

Patani pada 20 Julai.<sup>8</sup> Sebagai susulan, John Anderson sendiri telah melawat ke negeri-negeri tersebut pada 20 Julai 1909 ke Kelantan,<sup>9</sup> 24 Julai ke Terengganu<sup>10</sup> dan 7 Ogos ke Kedah<sup>11</sup> dan kemudian pada 21 Disember ke Perlis<sup>12</sup> bagi mempereratkan lagi hubungan peribadi dan hubungan antara Kerajaan British dengan Sultan negeri-negeri tersebut.<sup>13</sup>

Protokol Sempadan yang menjadi kembaran perjanjian perlu dilaksanakan dalam masa 6 bulan selepas pengesahan pada 9 Julai 1909 dengan melantik Pesuruhjaya mengetuai penetapan tempat (delimitation) dan penandaan (demarcation) persempadanan baru. Ini sejajar dengan kehendak Artikel 3. Mereka dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan tugas yang digariskan oleh Protokol Sempadan yang berbunyi:

"The frontiers between the territories of His Majesty the King of Siam and the territory over which his suzerain rights have by the present Treaty been transferred to His Majesty the King of Great Britain and Ireland are as follows:-

Commencing from the most seaward point of the northern bank of the estuary of the Perlis river and thence north to the range of hills which is the watershed between the Perlis River on the one side and the Pujoh River on the other; then following the watershed formed by the range of hills until it reaches the main watershed or dividing line between those rivers which flow into the Gulf of Siam on the one side and into the Indian Ocean on the other follow in this main watershed so as to pass the sources of the Sungai Patani, Sungai Telubin, and Sungai Perak, to a point which is the sources of the Sungai Pergau; then leaving the main watershed and going along the watershed separating the waters of the Sungai Pergau from the Sungai Telubin, to the hill called Bukit Jeli or the source of the main stream of the Sungai Golok. Thence the frontier follows the thalweng of the main stream of the Sungai Golok to the sea at a place called Kuala Tabar. This line will leave the valleys of the Sungai Patani, Sungai Telubin,

and Sungai Tanjung Mas and the valley on the left or west bank of the Golok to Siam and the whole valley or the Perak River and the valley on the right or east bank of the Golok to Great Britain.

Subject of the parties may navigate the whole of the waters of the Sungai Golok and its affluents. The island known as Pulo Langkawi, together with all the islets south of mid-channel between Terutau and Langkawi and all the islands south of Langkawi shall become British. Terutau and the islets to the north mid-channel shall remain to Siam.

With regard to the islands close to the west coast, the lying to the north of the parallel of latitude where the most Seaward point of the north bank of the estuary of the Perlis River touches the sea shall remain to Siam, and those lying to the south of parallel shall become British.

All islands adjacent to the eastern States of Kelantan and Terengganu, south of a parallel of latitude drawn from the Sungai Golok reaches the coast at a place called Kuala Tabar shall be transferred to Great Britian, and all islands to the north of that parallel shall remain to Siam.

A rough sketch of the boundary herein described is annexed hereto.

2. The above-described boundary shall be regarded as both by the Goverment of His Britannic Majesty and that of Siam, and they mutually undertake that, so far as the boundary effects any alteration of the existing boundaries of any State as far as the boundary effected shall be entertained by either.

3. It shall be the duty of the Boundary Commission, provided for in Article 3 of the Treaty of this date, to determine and eventually mark out the frontier above described. If during the operations delimitation it should appear describe to depart from the frontier as laid down herein, such rectification shall not under any circumstance be made to the prejudice of the Siamese Goverment.

In witness whereof the respective Plenipotentiaries have signed the present Protocol and affixed their seals.

Done at Bangkok, in duplicate, the 10th day of March 1909.

Protokol Sempadan di atas menjadi sedemikian rupa setelah melalui satu perundingan yang panjang. Asas yang menjadi panduan pada perundingan awal berdasarkan kepada cadangan E.H. Strobel kepada Ralph

Paget iaitu penyerahan "Kuasa Pemerintahan" negeri Kedah, Kelantan dan Terengganu oleh Siam. Sebagai balasan British menggugurkan hak keistimewaan jurisdiksinya bersama dengan pinjaman mudah bagi Siam membina landasan keretapi di selatan. Proses ini melibatkan perbincangan tiga penjuru: Bangkok, Singapura dan London yang saling timbal balas (Lihat bab 5).

Apabila cadangan ini diajukan kepada Gabenor John Anderson di Singapura, beliau berkehendakkan kawasan yang lebih luas lagi iaitu seluruh Kedah dengan memasukkan Perlis dan Setol, seluruh negeri Reman dan juga Legeh berasaskan kepada sebab-sebab kawasan ini adalah berpenduduk Melayu.<sup>14</sup> Cadangan Gabenor bersama-sama pandangan dari London menjadi asas kepada perbincangan Paget-Strobel pada akhir Disember 1907. Paget telah mencadangkan supaya memasukkan Perlis dan Setol ke dalam negeri Kedah. Cadangan ke atas Setol ditolak oleh Strobel<sup>15</sup> dan beliau bersedia menukarkannya dengan Pulau Langkawi dan juga Hulu Reman. Paget juga sependapat dengan John Anderson jika berasaskan pada persempadanan ethnological, maka seluruh kawasan Reman, Legeh dan Patani perlu masuk ke dalam negeri Melayu. Disebabkan Strobel tetap berpegang pada rancangan asalnya bahawa kawasan yang akan dipindahkan ialah kawasan yang Siam "...the least effective control viz: Kedah, Kelantan and Terengganu", maka beliau berpendapat apa yang ditawarkan oleh Strobel adalah:

"Both these would constitute more valuable possessions to us

than Setol. The Langkawi Islands furnish magnificent anchorages and as such have been coveted by various Foreign Powers whilst the lower (upper ?) part of Raman is rich in tin".<sup>16</sup>

Selepas kematian Strobel pada 15 Januari 1908, Paget berunding pula dengan Jens I. Westengard yang menjadi penolong Strobel selama ini. Semasa mengadakan perundingan pertama mereka pada 25 Januari, Westengard telah menggunakan isu Pulau Langkawi dan wilayah Reman sebagai tukaran untuk mendapatkan pinjaman membina landasan keretapi dengan faedah yang lebih murah. Namun Paget telah membantah keras kerana perkara ini telah dipersetujui lebih awal dengan Strobel.<sup>17</sup> Akhirnya dalam perundingan kedua mereka pada 25 Februari 1908, antara perkara yang telah dipersetujui ialah Siam mesti bersedia menyerahkan Kelantan, Kedah, Terengganu, Pulau Langkawi dan lembah hilir Reman.<sup>18</sup> Sebelum itu Paget telah menghantar W.R.D. Beckett ke Singapura pada 20 Februari untuk membincangkan Deraf Perjanjian Sempadan dan pinjaman untuk membina landasan keretapi dengan John Anderson. John Anderson berpandangan (contention):

"....since in delineating the Kedah-Nakhorn Sritamarat and Perak-Reman frontiers, the principle of following the main watershed has been adopted, the same principle should obtain for the Kelantan-Legeh boundary".<sup>19</sup>

Persempadanan Kelantan-Legeh telah menimbulkan perbincangan hangat apabila kedua-dua pihak saling cadang-mencadang

kawasan yang sesuai. Siam mencadangkan:

"Leaving main watershed at Gunung Tomoh, the frontier goes in the north easterly direction along the range of hills which are the dividing line or watershed between the Sungai Pergau on the one hand and the Tanjung Mas on the other hand to Bukit and pass Ban Pope which is the head water of Golok river. Thence the frontier follows the bed of the Golok to the sea at a place called Tabar".

John Anderson pula kemudiannya menyarankan:

"I propose that the boundary should proceed in northerly direction from Ban Pope to Bukit Kijah at the source of the river padi; than down the bed of that river to its mouth at Kuala Tachin. That will leave the whole of the Menara to Siam"<sup>20</sup>

Gabenor John Anderson begitu kecewa dengan Draf Perjanjian hasil dari pertemuan kedua Paget-Westengard. Baginya keadaan sekarang laksana:

"....Siam was proposing to give us very little in the way of territorial rights in return for the surrender of Consular jurisdiction".

Beliau seterusnya mencadangkan agar British meminta kawasan sehingga ke Garisan Lintang 7 darjah Utara. Ini kerana kawasan tersebut berpenduduk Melayu dan beragama Islam. Jika tidak dapat berbuat demikian, beliau masih mengharap agar sekurang-kurangnya mendapatkan Legeh jika gagal mendapatkan Kedah bersama Setol.<sup>21</sup> Walaupun mendapat bantahan dari John Anderson, pihak di London telah menubuhkan satu komiti pengkaji tentang draf ini yang terdiri dari Sir F. Campbell, Mr. Hursi dan Alston dari Pejabat Luar Negeri. Manakala wakil dari Pejabat Tanah Jajahan ialah Mr. Fiddes

dan wakil dari Pejabat India ialah W. Lee Warner. Mereka ini akan mengkaji untuk keperluan perbincangan di Kabinet yang bersidang pada 2 Mei 1908.<sup>22</sup> Satu rangka draf Perjanjian termasuk Protokol Sempadan dikeluarkan yang berbunyi:

"Commencing at a point on the western coast of the Malay Peninsula, where a range of hills which is the watershed between the Setol and Perlis River touches the sea-shore, then following the said range of hills in a north-easterly direction until it reaches the main watershed, or dividing line between those rivers which flow into the Gulf of Siam on the one side and into the Straits of Malacca on the other. Following this main watershed in a south-easterly direction to a point on the main watershed called Lubang Gondang, then turning in an easterly direction on the main watershed through the following points, namely, Buchong Padang, Gunung Angus, Gunung Kenarong and Gunung Jambol Merah, leaving the Valleys of Sungai Patani, Sungai Teluban and Sungai Tanjung Mas to Siam, and the Valley of Perak River to Great Britain.

From Gunung Jambol Merah the frontier still follows the main watershed in a south-easterly direction to Gunung Tomoh, then in a southerly direction to Bukit Air Kapa, then to a point on the main watershed which is the source of Sungai Sengo. From this point a straight line in an easterly direction to a point on The Sungai Pergau at its junction with Sungai Sieweh below the village of Penarit, from the point on Sungai Pergau River to Bukit Naga, Bukit Langstar and Bukit Aircina. From Bukit Aircina the boundary line goes in a northerly direction to a deserted village known as Tohtar, then to Nyor Sapohon, Sarang Boyah, Kampong Kusai, Meman Anarong, Tasik Chekati, Padang Bulus, Padang Trol, Tanah Dres, Kuala Lancang on the river Rangae crossing the said river to Bukit Phra, Tlaga Rendang, Kuala Grong, then in the north westerly direction to Rotan Tower, Kubang Ikan to Bakong Tengga on the Sungai Padi River following the thalweg of the said river down to its junction with Sungai Menara known as Pucho, Eleng or Nam Bang. From this point a line at northerly direction to the sea-shore on the eastern coast of Malay Peninsula Kuala Eleng.

The Island known as Pulo Langkawi, together with all

islands lying to the south of it, shall belong to Great Britain. All islands to the north of Pulo Langkawi shall remain to Siam.

With regard to the islands close to the coast, those called Pulau Panjang, and Pulau Kuning shall remain with Siam, and Pulau Brasmana and Pulau Kurap shall remain with Great Britain.

A rough sketch of the boundary herein described is annexed hereto"<sup>23</sup>

Dari gambaran di atas British mencadangkan satu kawasan yang besar masuk ke dalam negeri Reman dan Legeh. British menggunakan peta yang dikeluarkan khas untuk Royal Asiatic Society pada tahun 1896.<sup>24</sup> Setelah menyedari akan terdapatnya kekurangan dan kesilapan dalam peta tersebut terutamanya pada persempadan Legeh-Kelantan yang selama ini menjadi panduan mereka, akhirnya John Anderson telah meminta Paget agar mendapatkan satu salinan peta yang baru dari Siam bagi memudahkan mereka dapat melihat pada keadaan dan tempat yang sama.<sup>25</sup> Adalah diingatkan bahawa Siam sentiasa peka dan mengambil perhatian akan kawasan-kawasannya, terutama di sempadan yang dipertikaikan. Kawasan di selatan ini baru sahaja mereka sukat dan membuat pemeriksaan pada akhir 1905 dan awal 1906. Tumpuan mereka ialah Wilayah Nakawn Sritamarat khususnya kawasan Patani.<sup>26</sup>

Satu lagi kekuatan pihak Siam dalam perundingan ini ialah berupaya menghantar pegawai-pegawaiannya ke selatan untuk memeriksa nama, kedudukan, dan lain lain perkara yang berkaitan terhadap sesuatu cadangan baru yang dikemukakan oleh pihak British. Dengan itu mereka berupaya

menolak dan membuat beberapa kali perubahan. Umpamanya pada awal tahun 1908 (sehingga April) pihak Siam telah membuat dua kali perubahan pada rancangan Draf Protokol Sempadan. Perubahan terbaru pula ialah semasa perundingan Paget-Westengard pada bulan Ogos. Ini adalah hasil dari lawatan J.H. Heal, Inspektor General Jabatan Perlombongan Siam ke sempadan Hulu Perak, Legeh dan Kelantan telah mendapati banyak dari tempat-tempat yang dicadangkan tidak wujud dan tidak tepat.<sup>27</sup> Ini telah memberi peluang kepada Westengard mengubahkan nama tempat tersebut di bahagian pantai timur (Legeh-Kelantan). Manakala bahagian pantai barat pula telah diubah dari mengikut titik-titik yang tidak pasti kedudukannya di banjaran gunung kepada mengikut punca sungai. Dengan itu pihak Siam telah membuat keputusan sempadan dari tepi laut di pantai timur ialah melalui Sungai Golok, manakala Pulau Brasmana dan Pulau Kurap di pantai barat yang dulunya dipersetujui masuk ke British mahu diambil pula oleh Siam. Perbincangan dan perundingan yang dibuat banyak memihak kepada Siam kerana mereka mempunyai bukti dan kuasa tawar-menawar yang akhirnya menghasilkan satu lagi cadangan Draf Protokol Sempadan yang berbunyi:

"Commencing at a point on the western coast of the Malay Peninsula, where a range of hills which is the watershed between the Setol and Perlis River touches the sea-shore, then following the said range of hills in a north-easterly direction until it reaches the main watershed or dividing line between those rivers which flow into the Gulf of Siam on the one side, and into the Indian Ocean on the other. Following this main watershed passing through the hill which is the main source of the Perak River; thence following the said watershed to a hill

which is the main source of the Tomoh River, leaving the valleys of the Sungai Patani, Sungai Telubin, and Sungai Tomoh to Siam, and the whole valley of the Perak River to Great Britain; then from the hill which is the main source of the Tomoh River following the watershed between Sungai Tomoh and Sungai Pergau to a point on the said watershed from which the waters of Sungai Tomoh, Sungai Pergau, and Sungai Golok divide; then following the watershed between Sungai Pergau and Sungai Golok to the main source of the Sungai Golok at or near the hill called Bukit Jeli; thence the frontier follows the thalweg of the Sungai Golok to the sea at a place called Kuala Tabar. Subjects of each of the parties may navigate the whole of the waters of the Sungai Golok.

If, during the operations of delimitation, it should appear desirable to depart from the frontier as laid down herein, such rectification cannot, under any circumstances be made to the prejudice of the Siam Government.

The island known as Pulo Langkawi, together with all islands lying to the south of it shall belong to Great Britain. All islands to the north of Pulo Langkawi shall remain to Siam.

With regard to the islands close to the coast, those called Pulau Panjang and Pulau Kuning shall remain with Siam, and Pulau Brasmana and Pulau Kurap shall remain with Great Britain.

All islands adjacent to the eastern States of Kelantan and Terengganu, south of a parallel of latitude drawn from the point where the northern boundary of Kelantan reaches the coast are transferred to Great Britain, and all islands to the north of that parallel shall remain to Siam.

A rough sketch map of the boundary herein described is annexed hereto".<sup>28</sup>

Melihat kepada cadangan draf ini ternyata ia juga tidak muktamad apabila akhirnya British kehilangan Pulau Brasmana dan Pulau Kurap dengan tidak menyebutnya langsung dalam Protokol Sempadan. Demikian juga dengan perubahan-perubahan ayat dan perkataan tertentu yang membawa kepada maksud yang berlainan setelah Protokol Sempadan sebenar ditandatangani.

Perjanjian dan penandaan sempadan pada kali ini adalah dalam kontek yang lebih besar dan menyeluruh bagi Siam dan juga British. Kerajaan Siam telah berhadapan dengan British dalam soal sempadan di Province Wellesley sejak mereka menakluki Kedah pada akhir tahun 1821 dan berakhir dengan persetujuan pada 1869 setelah dua kali garisan sempadan diubah pada tahun 1831 dan 1867. Bagi sempadannya yang lebih luas lagi ialah di kawasan Tennasserim. Hal ini bermula setelah kejayaan British menakluki kawasan ini pada tahun 1826. Dari tahun tersebutlah maka bermulalah persempadanan bersama bagi mereka. Persempadanan ini terus berkembang apabila British menang lagi dalam dua kali perperangan dengan Burma. Dengan ini seluruh persempadanan Burma di sebelah timurnya telah menjadi sempadan British dengan Siam. Dari segi pengalaman dan permasalahan dalam pengendalian sempadan bersama, kedua-dua pihak mempunyai pengalaman dalam menanganinya dan terdapat pula beberapa tempat lagi yang belum mencapai penyelesaian sepenuhnya.<sup>29</sup> Sementara di timurnya pula Siam sedang berhadapan dengan Peranchis yang telah pun mendapat beberapa buah wilayahnya. Siam telah mendapat pengalaman baru dalam proses pengukuran dan penandaan sempadan bersama dengan Peranchis.<sup>30</sup>

## 6.1 KEAHLIAN DAN BIDANG TUGAS

Urusan penandaan ini bermula dengan perlantikan Kolonel H.M. Jackson Pengarah Ukor Negeri Melayu Bersekutu menjadi Presiden Suruhanjaya Sempadan bagi pihak kerajaan British pada Ogos 1909.<sup>31</sup>

Kerajaan Siam pula melantik Mejari Jeneral Mom Narendar Raja pada 17 September bagi pihak mereka.<sup>32</sup> Kemudianya beliau diganti oleh Mejari General Phya Sakda Bidej pada akhir April 1911.<sup>33</sup> Perlantikan Kolonel Jakson disahkan kepada pihak Siam pada 2 Oktober 1909. Ahli-ahli lain dalam suruhanjaya ini bagi pihak Siam antaranya ialah Mom Chow Vipulya (Pegawai di Kementerian Luar Negeri), Phya Bisai Sundarakarn (Pegawai di Kementerian Dalam Negeri), Mom Chow Pradipatt (Penolong Pesuruhjaya Siam di Pulau Ujong Salang), dan Kapten Luang Snam Ridhigrai (Pegawai Tentera Darat Siam).

Bagi pihak British, ahli-ahli yang akan membantu Kolonel Jackson akan dilantik mengikut negeri-negeri yang terlibat seperti Perlis/Kedah, Perak dan Kelantan. Sementara itu suruhanjaya pula akan melantik pegawai-pegawai lain bagi mengendalikan tugas dalam kerja-kerja pengukuran dan penandaan. Tetapi mereka ini tidak akan terlibat langsung dalam kerja suruhanjaya iaitu membuat ketetapan tempat bagi membina tanda sempadan. Kebanyakan mereka adalah dari Jabatan Ukur Negeri Melayu Bersekutu seperti Messr. V.A. Lowinger, Messr. R.R. Goulding, Messr. A. Cochrane, W.A.D. Edwardes dan K. Chanmugam. Bagi membantu Kolonel Jackson, Kapten A.D. Molony dari **Malay States Guide** telah dilantik menjadi pengiring yang bertugas sebagai Pembantu Peribadi dan juga Setiausaha mulai dari Januari 1910.<sup>34</sup>

Setelah mendapat persetujuan kedua belah pihak dari segi

perlantikan Presiden Suruhanjaya, mereka kemudian mengadakan pertemuan untuk pertama kali di Pulau Pinang pada 10 Disember 1909.<sup>35</sup> Perbincangan adalah berkisar kepada perancangan untuk melaksanakan tugas berdasarkan Protokol Sempadan. Mereka yang terlibat dalam perjumpaan ini ialah Mejar General Mom Narendar Raj, Kolonel H.M. Jakson, Mom Chow Vipulya, Mom Chow Pradipat. Manakala ahli yang tidak hadir ialah Phya Bisai dan Kapten Luang Snam. Dalam perbincangan pertama ini belum ada lagi perlantikan ahli dari pihak British dan Kolonel Jackson memaklumkan bahawa beliau akan memperolehi pembantu-pembantunya kemudian. Bagi melicinkan tugas, mereka bersetuju bahawa urusan tugas pengiring, pekerja, buruh pengangkutan dan kelengkapan perkhemahan serta makanan adalah di bawah urusan masing-masing. Namun koordinasi, pengangkutan, bantuan pengiringan dan lain-lain akan saling membantu bagi memudah dan melancarkan perjalanan tugas.<sup>36</sup> Bagi perlaksanaan tugas, dipersetujui satu perancangan seperti berikut:

- a. Satu lagi perjumpaan akan diadakan di Perlis, awal Februari 1910 bagi perlaksanaan tugas sebenar.
- b. Kerja akan bermula di Kuala Perlis untuk mencari tempat yang dimaksudkan oleh Protokol Sempadan. Kemudian akan meninjau terus laluan "Channel" antara Pulau Langkawi dengan Terutan bagi menetapkan garis pemisah antara kedua buah pulau dan juga menetapkan kedudukan pulau-pulau kecil di sekitarnya.

c. Tugas seterusnya dimulakan di sempadan yang memisahkan antara legehpunca (watershed) Sungai Pujuh dengan Sungai Perlis dan disambungkan seterusnya mengikut Protokol Sempadan.<sup>37</sup>

Persetujuan juga dicapai bahawa pihak suruhanjaya akan terlibat dengan tugas penetapan tempat (delimitation) sahaja. Manakala kerja penandaan sebenar akan dilakukan oleh pegawai-pegawai yang di lantik oleh suruhanjaya dengan dibantu oleh pegawai di petempatan. Jika berlaku sebarang keraguan kedudukan tempat akibat hal-hal tertentu, adalah dipersetujui dengan bantuan pegawai di petempatan satu tanda sementara (artificial) akan juga dibuat bagi menantikan tanda kekal (permanent beacons) di bina kemudiannya.

Pihak British bersetuju untuk melaksanakan kerja-kerja *Trigonometrical*. Manakala kerja-kerja pengukuran akan dilaksanakan oleh kedua-dua pihak secara bersama. Dalam pengendalian kerja ini, peta yang digunakan berdasarkan kepada peta berskala 1/100,000; 1/50,000 dan peta berskala 1/25,000 mengikut keperluan. Manakala nama-nama tempatan akan diadaptasikan kepada huruf huruf Roman. Bagi memastikan kesahihan kedudukan sesuatu tempat, kedua-dua pihak akan memeriksa sempadan sejauh 2 kilometer dan jika ada keraguan, akan pergi lebih jauh lagi sehingga bertemu pemisah pada anak-anak sungai tertentu.

Kumpulan *Topographical* akan ditugaskan ke kawasan yang ditetapkan kemudiannya dan dijangka akan bermula dari Januari 1910. Mereka bebas keluar masuk kawasan bagi membolehkan terhasilnya peta-peta yang boleh menjadi peta panduan umum. Kumpulan juruukur kedua pihak pula akan memulakan kerja di sempadan Perlis/Setol pada bulan Januari dan dikehendaki memberi maklum balas kepada suruhanjaya yang akan bersidang lagi di Perlis. Dalam urusan pentadbiran, kedua-dua pihak akan melantik setiusaha yang akan merekodkan minit mesyuarat. Laporan mereka akan diikeluarkan bersama (amalgamated) dalam satu laporan sahaja setelah dipersetujui dan ditandatangani. Salinan untuk kedua-dua pihak juga akan dibuat.<sup>38</sup>

## 6.2 KERJA-KERJA PENETAPAN DAN PENANDAAN

Perjumpaan kedua berlangsung di Tebing Tinggi dekat Sungai Perlis pada 6 Februari 1910. Kolonel Jackson diiringi oleh Kapten Molony, manakala ahli Siam yang tidak hadir pada kali ini hanya Kapten Luang Snam. Tumpuan mereka bagi memulakan tugas ialah untuk memahami:

"..... The most seaward point of the north bank of the estuary of the Perlis River.....".

Persetujuan dicapai bahawa tempatnya "the most seaward" ialah "at the end of the range that comes down towards the sea on the north bank of the Perlis River."

Pada 7 dan 8 Februari, suruhanjaya telah melakukan

pemeriksaan di sepanjang pantai Perlis/Setul dan juga terusan (Channel) di antara Pulau Terutau dengan Pulau Langkawi. Dalam pemeriksaan ini, mereka menemui satu batu yang agak menonjol (conspicous) yang dikenali sebagai **Batu Puteh** di tempat yang dimaksudkan "the most seaward" dalam kawasan berhutan paya bakau. Tempat ini telah dijadikan titik A dan menjadi sempadan darat yang terawal di sempadan laut sebelah pantai barat. Persetujuan juga dicapai setelah memeriksa di laut untuk menetapkan sempadannya:

"from the point A westwards along the parallel of latitude passing through A to meridian 99° 88' East (Greenwich) along that meridian northwards to the point at which it is intersected by the parallel westwards to point about midway between the north-western most point of Pulo Terutau and the north-western most point of Pulo Langkawi. The parallel 6° 20' being taken as lying approximately mid-channel between the two islands above-mentioned"

By this line the islands close to the west coast namely:  
Pulo Brasmana, Pulo Kurap, Pulo Kuniet (Kuning) and  
Pulo Panjang are shown as belong to Siam.<sup>39</sup>


Tanda-tanda ketidaksetujuan mula muncul apabila pihak Siam mahu memasukkan kumpulan Pulau Butang (Butang Group) di barat Pulau Teruntau ke dalam kawasan Siam. Hal ini tidak dipersetujui oleh Kolonel Jackson kerana ia tidak dinyatakan dalam Protokol Sempadan. Dengan itu beliau perlu merujuk kepada Gabenor British di Singapura. Perkara ini ditangguhkan sementara keputusannya. Mereka kemudiannya meneruskan kerja penetapan tempat di darat, yang telah dirintis tempatnya oleh pihak Kumpulan Juruukur. Namun begitu usaha-usaha ini tergendala dan terpaksa ditangguhkan kerana masalah kawasannya yang berbatu-batu pecah, tajam dan terlalu

menegak meskipun tidak tinggi. Kesukaran ini mengganggu dan melambatkan kerja-kerja pengukuran. Dalam masa yang sama, sebahagian kawasan ini berlembah dan berbentuk seperti cawan yang agak curam di sekelilingnya juga menjadi masalah untuk melaksanakan pengukuran. Kawasan ini dikenali oleh penduduk tempatan sebagai "Wang" atau "Wong" yang kebanyakannya bercerun curam. Pada "wong" ini, iaitu di dalam tanah terdapat gua yang menjadi laluan sebahagian anak sungai dari puncanya di permatang bukit itu. Ini telah mengganggu kerja penetapan kepada punca dan laluan anak sungai kerana ia tiba-tiba muncul di sebelah hilir, dan boleh meragukan kedudukannya apabila ia berbengkang-bengkok mengikut arah kontor bukit.

Permasalahan ini diperkuatkan lagi apabila kawasan ini mempunyai kepentingan atau nilai kepada pihak yang terlibat. Umpamanya, British mahukan kawasan yang mempunyai hasil seperti galian dan pertanian, sementara Siam pula mahukan kawasan laluan. Inilah yang menimbulkan masalah seterusnya apabila kedudukan Bukit China menjadi perbalahan di antara mereka. British mengakui Sungai Perlis berpunca dari sini, manakala Siam mendakwa sungai tersebut berpunca dari Kaki Bukit di selatan Bukit China. Permasalahan ini tidak mencapai satu penyelesaian pada peringkat mereka, dan telah dirujuk kepada pihak atasan masing-masing.<sup>40</sup>

Gabenor John Anderson tidak mahu berkompromi dan mengarahkan pendudukan ke atas kawasan ini, walaupun kedudukannya masih tidak pasti lagi.<sup>41</sup> Dengan nasihat dari London, kawasan ini dibiarkan

Peta 6.1. Kawasan Pertikaian di Buit China, Perlis




Sumber: ANM: HCO 28/10, 347/10 - (A-E)

tergantung<sup>42</sup> dan suruhanjaya meneruskan tugas di kawasan baru. Manakala perundingan bagi mencari penyelesaian kawasan tersebut ditugaskan kepada wakil kerajaan British di Bangkok.<sup>43</sup>

Pada 1 Jun 1910, satu lagi perjumpaan telah diadakan di Sungai Rambutan. Perjumpaan ini merupakan perjumpaan kali ketiga. Kali ini untuk meneruskan tugas bagi dua seksyen yang dirancangkan. Seksyen I dari tepi pantai (Batu Putih) ke laluan Kedah-Singgora (Bukit Kayu Hitam), manakala Seksyen II, dari sini ke Bukit Pakir Terbang di sempadan timuran Kedah-Singgora. Bagi Seksyen III dan IV pula ditangguhkan buat sementara. Dalam perjumpaan ini, bahagian yang telah dapat dipetakan telah pun ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak bagi dijadikan panduan untuk kedudukan tanda-tanda sempadan (boundary beacons). Sebanyak 40 tanda sempadan dari Batu Putih di tepi pantai ke Bukit Pakir Terbang telah dipersetujui untuk dipasangkan oleh pegawai-pegawai yang membuat penandaan. Mereka diberi kebebasan untuk memasang tanda tambahan antara kedua-dua tempat yang ditentukan jika didapati perlu.

Dalam soal Bukit China, oleh kerana tidak ada kompromi, penetapan tempat ditangguhkan lagi. Mesyuarat juga bersetuju untuk menyambung kerja, dengan tanda di sempadan Perlis dan Perak dipasang oleh kumpulan British, manakala negeri Kedah dan Kelantan dipasang oleh kumpulan Siam. Bagi mengatasi segala kelemahan yang telah berlaku di Perlis, mesyuarat akhirnya menangguhkan pengesahan kepada tempat lain

Peta 6.2. Kawasan Pertikaian Di Bukit Jeli Atau Hulu Sungai Golok



Sumber: BAOK (a)218/10 (Koleksi Shaharil Talib), CO273/374: ff:651-687.

(Seksyen III dan IV) sehingga kesemua kawasan yang menjadi sempadan ini diukur dengan sempurna.<sup>44</sup>

Meskipun tugas penetapan tempat dihentikan, namun kerja ukur-mengukur diteruskan sejak dari pengesahan di Seksyen I dan II lagi. Lowinger ditugaskan mengukur di sempadan dari Kedah ke Perak, manakala Cochrane pula dari sempadan Perak ke Kelantan. Mereka dibantu oleh pembantu juruukur India yang telah menjelajah kawasan sepanjang garisan sempadan yang melalui punca-punca sungai. Tanda-tanda yang diperbuat dari tiang kayu juga telah dipasangkan yang mendekati kedudukan trigonometrical. Kerja-kerja ini untuk memudahkan tugas penyukatan dan penetapan tempat seterusnya. Pengukuran ini berjalan lancar dari Lata Pa' Lalang ke Bukit Jeli dan kedudukan topographical dapat dilaksanakan ke peringkat skala dua batu bagi setiap inci dari Gunung Ulu Titi Basah ke Kampung Baku di Sungai Golok, namun begitu timbul juga masalah di kawasan Bukit Jeli. Dalam masa pengukuran ini, dua seksyen topographical pihak Siam juga dilaksanakan bagi seksyen III dan IV. Satu pembetulan dibuat terhadap kompas ukur mereka di Sungai Golok agar kerja topographical Siam yang lain di sungai ini menjadi betul dan sempurna. Hasil kerja juruukur di atas dimajukan kepada Presiden Suruhanjaya Siam pada Oktober 1910. Beliau pula memaklumkan tidak dapat turun dari Bangkok sehingga bulan April 1911. Namun telah dipersetujui bahawa perjumpaan kali ke empat akan diadakan di Betong, Patani pada bulan Mei akan datang.<sup>45</sup>

Perjumpaan di Betong berlangsung pada 18 Mei 1911. Wakil Siam diketuai oleh Mejai General Phya Sadka sementara itu Kolonel Jackson masih mengetuai delegasi British. Beliau diiringi oleh G.M. Laidlaw yang menjadi wakil tempatan dari negeri Perak. Mesyuarat bersetuju untuk membuat pemeriksaan ke atas titik-titik tertentu di sempadan dan kemudiannya bergerak ke timur (Kelantan). Kawasan Hulu Sungai Perak dan Patani dari Genting Bertam (Chinnaha pass) di sebelah barat sampai ke Genting Langsat (laluan utama Perak-Patani) telah dilawati dari 20 Mei hingga 2 Jun. Mereka kemudiannya mengadakan perjumpaan kelima di Tomoh pada 7 Jun. Mesyuarat tersebut telah mempersetujui supaya tanda sempadan dipasang bagi Seksyen III dan IV. Seksyen III bermula dari Bukit Pakir Terbang ke Bukit Bharu (menjadi sempadan Perak/Patani/Kelantan) dan Seksyen IV dari sini ke punca Sungai Golok (Bukit Jeli). Garis panduan penandaan ini sama seperti pada Seksyen I dan II di atas.<sup>46</sup>

Pada 8 Jun dengan diiringi oleh J.S. Mason, Penasihat British di Kelantan dan J.M. Favel, Pengarah Ukor Kelantan, telah meneruskan lawatan ke timur (Kelantan) dengan meninjau Sungai Kelantan dan Golok. Semasa di Bukit Jeli, timbul satu lagi ketidaksetujuan suruhanjaya dalam membuat penetapan tempat. Ini berpunca dari masalah penentuan sebenarnya Hulu Sungai Golok. Pihak Siam beranggapan Sungai Buluh sebagai punca Sungai Golok manakala pihak British beranggapan di Sungai Sat.<sup>47</sup> Pemeriksaan dilakukan oleh kedua-dua pihak untuk membuktikan kebenaran,

kerana ayat:

".....going along the watershed separating the waters of the Sungai Pergau from Sungai Telubin, to hill called Bukit Jeli or the source of the main stream of Sungai Golok."

Pertikaian ini berlaku kerana mencari maksud **Bukit Jeli** atau **Punca Utama Sungai Golok**. Ini bermakna garisan sempadan dari Batu Putih di pantai barat sehingga ke **Kuala Sungai Golok/Tabai** boleh melalui Bukit Jeli atau punca Sungai Golok. Oleh itu kedua-dua pihak mahu membuktikan kedudukan garisan di titik ini sama ada di Bukit Jeli atau punca Sungai Golok. Jika Sungai Sat menjadi punca Sungai Golok, maka Bukit Tepoh akan menjadi titik pertemuan garisan, yang kedudukannya di utara Bukit Jeli. Tetapi, jika Sungai Buloh pula menjadi puncanya, ia akan bertemu di selatan Bukit Jeli, berhampiran tempat bernama Suak Ma' Jenab. Terlihat di sini bahawa kedua-dua pihak cuba untuk menyelamatkan Bukit Jeli supaya masuk ke dalam kawasan masing-masing. Matlamatnya adalah difahami sebagaimana yang berlaku di Bukit China, di sempadan Perlis/Setol.

Bagi mencari penyelesaian, satu lagi perjumpaan telah diadakan di Tak Bai pada 23 Jun. Tiada kompromi dalam membuat keputusan masing masing terhadap tempat yang mereka pilih. Bagi tugas di tempat lain, mereka bersetuju agar semua kawasan sempadan ditanda, kecuali bagi kawasan dari Bukit Jeli ke Kuala Sungai Sat dan Sungai Lambah (Lanah). Perkara ini akan dirujuk kepada kedua-dua kerajaan. Keputusan juga dicapai agar kumpulan penanda sempadan akan memulakan kerja pada awal Januari 1912 bagi

menyelesaikan kerja yang terbengkalai. Dengan ini berakhirlah buat sementara tugas pihak suruhanjaya bagi penetapan tempat-tempat yang perlu ditandakan di sepanjang sempadan.<sup>48</sup>

### 6.3. Bentuk Muka Bumi dan Tanda Sempadan

Sebagaimana yang telah dilaporkan, pembahagian kawasan sepanjang garisan sempadan ini telah dibahagikan kepada empat seksyen yang bermula dari **Batu Putih** di tepi laut pantai barat sehingga ke Kuala Tabai di pantai timur. Penjelasan ringkas mengenai keadaan muka bumi kawasan ini dibincangkan mengikut seksyen.

**Seksyen I.** Bermula dari tepi pantai yang berpaya bakau, kemudian ia mula menaiki banjaran bukit yang berbatu batan keras, tajam dan pecah-pecah, walaupun ia tidak berapa tinggi. Secara purata ketinggian kawasan bukit di bawah 1,000 kaki, banyak terdapat genting untuk laluan Perlis-Setol. Di kawasan inilah banyak menghasilkan lembahan yang dikenali sebagai **wang** atau **wong**. Adapun bukit bukit yang terdapat di sepanjang banjaran ini yang menjadi pemisah Perlis-Setol, dari tepi pantai menganjur ke timur laut sehingga ke **Bukit Khao Chin** dan menurun ke **Bukit Mata Air** pada arah tenggara sehingga ke **Padang Besar**, seperti berikut. Bermula dari tepi pantai ialah **Bukit Wang Gunung** (1,626 kaki), **Bukit Wang Mu** (1,771 kaki), **Bukit Pelarit** (1,795 kaki), **Bukit China** (2,374 kaki) dan **Bukit Mata Air** (1,675 kaki). Dari sini sehingga ke jalan laluan **Alor Setar-Singgora** di **Bukit Kayu Hitam**, adalah kawasan bukit yang beralun pada ketinggian purata kira-

kira 500 kaki dari paras laut. Terdapat tiga laluan utama dari Perlis ke Setol dan juga ke Singgora yang melalui genting-genting. Laluan itu ialah Padang Bahagian Air (470 kaki), genting dekat Gunung China yang menjadi laluan ke Setol dan juga Singgora, dan laluan mengikut Kampong Koh Mak berhampiran Padang Besar. Kawasan ini merupakan kawasan pertanian dan berpenduduk.

**Seksyen II.** Bermula dari Bukit Kayu Hitam sehingga ke Bukit Pakir Terbang. Ia berada dalam negeri Kedah yang semasa tradisionalnya bersempadan dengan Chenak dan Tiba, wilayah Patani. Bentuk muka buminya adalah bukit bukau beralun yang mula meninggi sehingga ke Bukit Pakir Terbang. Banjaran Bukit ini telah menjadi pemisah kepada anak-anak sungai yang turun ke Singgora-Patani dengan ke Kedah. Bagi yang mengalir ke Kedah menjadi anak-anak Sungai Kedah dan Sungai Muda. Terdapat tiga buah bukit yang tinggi di sepanjang garisan ini iaitu, Bukit Koh Mai (2,486 kaki), Bukit Kuan Met (1,057 kaki) dan Bukit Pakir Terbang (1,882 kaki). Jalan laluan yang merentasi garisan sempadan ini dari Bukit Kayu Hitam ialah laluan utama Kedah-Singgora yang melalui Bukit Kayu Hitam sendiri, laluan Bayu dan Songkeh (660 kaki) ke Singgora, Genting Pahat (1460 kaki) menuju ke Patani, Genting di lereng Bukit Kuan Met dan laluan Panet serta Kara yang melalui genting dekat Bukit Pakir Terbang yang juga menuju ke Patani. Kawasan ini kurang berpenduduk kecuali berhampiran kawasan Bukit Kayu Hitam dan kawasan yang menjadi laluan di atas.

**Seksyen III.** Dari Bukit Pakir Terbang ke Bukit Bharu yang

menjadi sempadan bersama Perak-Patani-Kelantan. Ia juga seperti pada keadaan Seksyen II yang menjadi pemisah kepada anak-anak sungai yang mengalir ke Patani dengan Kedah dan juga Patani dengan Perak. Di sepanjang garisan sempadan ini terdapat beberapa buah bukit yang tinggi antaranya Bukit Gajah Hutan (3,501 kaki), Bukit Bubus (3,755 kaki), Bukit Mudin Besar (3,546 kaki), Bukit Lata Pa' Palang (4,151 kaki), Bukit Kubang Badak (3,653 kaki) dan Bukit Perenggan (3,275 kaki) yang kesemuanya di sempadan Kedah-Patani yang pada masa peristiwa ini berada dalam wilayah Reman. Tiada berpenghuni di sepanjang banjaran ini tetapi ramai didiami oleh penduduk pada lembah di kaki permatang, terutamanya bagi tempat yang menjadi laluan dekat genting-genting seperti Genting Debu (1,450 kaki), Genting Reh (3,250 kaki) dan juga tempat yang menjadi laluan Kroh-Baling hari ini serta di Genting Gunung Sebelah yang kedudukannya pada hari ini di Mukim Siong-Weng daerah Baling di Hulu Muda. Bagi kawasan yang menyempadani Patani-Perak pula terdapat laluan-laluan seperti, laluan Padang Tasik menuju ke Genting Berapit yang menjadi penghubung Hulu Perak-Betong, satu lagi laluan ke Betong melalui Genting Bertam atau Chinnaha, Genting Langsat yang menjadi penghubung Lembah Belom dengan Patani di Kampong Hala, dan Genting Luat Pantai juga ke Patani yang pada masa ini di Legeh. Kawasan ini juga kurang berpenduduk kecuali di kawasan yang menjadi laluan antara kedua tempat, Hulu Perak-Patani (Reman dan Legeh).

**Seksyen IV.** Ia adalah sambungan dari banjaran yang sama dari

**Seksyen II** dan III. Namun begitu dari segi ketinggiannya sudah mula menurun. Jika dari Bukit Kayu Hitam ia menaik tetapi di sini sebaliknya. Terdapat dua buah bukit yang menonjol iaitu Bukit Tepoh (2,900 kaki) dan **Bukit Jeli** (2,942 kaki). Terdapat juga dua laluan yang utama iaitu di Chenong (530 kaki) yang berkedudukan antara punca anak Sungai Pergau dengan **Sungan Pancor** dekat Tomoh, dan laluan di selatan **Bukit Jeli** dekat Suak Mak **Jenab** (1,000 kaki) yang menjadi punca anak Sungai Pergau dan juga Golok. Terdapat kawasan berpenduduk di sebelah Kelantan dan Legeh serta Tomoh yang tidak jauh dari garisan sempadan ini.<sup>49</sup>

Sebanyak 109 tanda sempadan telah ditetapkan disepanjang **garisan sempadan**. Sementara itu sebanyak 94 titik pertemuan trigometrical telah ditetapkan di sepanjang sempadan ini. Kesemua tanda sempadan ini ditanam mengikut keadaan tanah. Terdapat dua jenis atau kelas batu sempadan digunakan. Kelas satu, tanda ini ditanam tiga kaki dalam tanah dan tiga kaki lagi berada di atas permukaan bumi. Manakala kelas kedua pula ialah dua kaki dalam tanah dan dua kaki lagi di atas permukaan bumi. Dari segi saiznya pula, tanda sempadan kelas satu berukuran tapak tiga kaki lebar, tiga kaki panjang dan tiga kaki tinggi serta lapan belas inci diameter. Untuk kelas dua berukuran tapak dua kaki panjang, dua kaki lebar dan dua kaki tinggi dengan dua belas inci diameter. Kedua-dua kelas ini di tengah-tengahnya mempunyai batang paip yang menjadi tiangnya (pillar).

Bagi kelas satu ia didirikan di tempat-tempat penting seperti di

jalan laluan, bukit yang tertinggi dan permatang yang memisahkan puncak air (**anak sungai**). Dari sejumlah 94 titik pertemuan Trigonometrical, sebanyak 51 terdapat di sepanjang sempadan Perlis dan Kedah, 30 lagi di Perak dan bakinya sebanyak 13 di Kelantan. Manakala tempat-tempat yang telah didirikan dengan tanda sempadan dari batu konkrit atau pun dengan beacon trigonometrical dari besi, sebanyak 40 batang daripadanya terdapat di garisan sempadan di Perlis, 41 di Kedah, 18 di Perak dan bakinya 10 di Kelantan.<sup>50</sup>

#### **6.4. Penyelesaian Pertikaian**

Penandaan sempadan Perlis bersama-sama kawasan utara **Kedah** disempurnakan pada awal tahun 1911 oleh R.R. Goulding dengan dibantu oleh C.A. Rust dari kumpulan British dengan Kapten Luang Ronarath bersama-sama pembantunya bagi pihak Siam. Mereka membiarkan tertangguh kawasan yang dipertikaikan. Bagi Seksyen lain telah disempurnakan dari bulan Januari sehingga Mei 1912. Seksyen III dari kawasan Bukit Pakit Terbang di tenggara sempadan Kedah diketuai oleh W.A.D. Edwards dan Kapten Luang Ronarath, manakala Seksyen IV di sempadan Perak-Kelantan oleh A. Cochrane dan Kapten Luang Snam Ridhigrai.<sup>51</sup>

Penyelesaian di kawasan Bukit China yang melibatkan lembah di Padang Balai tidaklah semudah yang diharapkan. Kedua-dua pihak menghantar semula wakil mereka untuk mengukur kembali tempat-tempat yang menjadi pemisah (waterparting) punca-punca Sungai Perlis dan Sungai Pujuh. Siam diwakili oleh Kapten Luang Snam Ridhigrai manakala pihak British oleh

R.R. Goulding. Kesukaran yang timbul akibat dari aliran sungai di dalam bumi, (subterranean) telah diatasi dengan membuatkan garisan sempadan itu berada sedekat mungkin dengan tempat yang menjadi pemisah punca sungai tersebut. Dengan itu Lembah Padang Balai dan Bukit China dipersetujui masuk kepada Perlis. Meskipun begitu, British telah mengorbankan kawasan Manangkang di sempadan Burma-Siam yang dituntut oleh Siam. Mereka juga diberi keizinan menggunakan laluan Setol-Singgora yang melalui daerah Padang Balai dan Bukit China. Dengan itu kawasan ini telah selesai ditetapkan pada bulan Jun 1912 dan ditandai dengan sempurna pada Oktober 1912. Siam kemudiannya menyerahkan kawasan ini kepada Perlis pada Mac 1913 melalui wakil mereka Kapten Luang Snam Ridhikrai dan pegawai di pejabat Pesuruhjaya Ujong Salang.<sup>52</sup>

Bagi penyelesaian di Bukit Jeli, ia dapat diselesaikan pada Mei 1912 dengan Siam menerima cadangan Kolonel Jackson sebagaimana yang dilaporkannya:

".....so that the line had to be taken to the top of Bukit Jeli, and thence down some stream flowing from near the top of this hill into the main feeder of Sungai Golok. The only stream that fulfills this conditions is the Air Jawa, which rising close under the top of the north side of the hill joins at its base a larger stream known as the Air Batu Hampar, which shortly after joins the Sungai Sat, the stream generally considered as forming the main affluent of the Golok River."<sup>53</sup>

Dalam penyelesaian ini, British telah menggunakan saluran diplomat. Menteri Residennya di Bangkok telah digesa supaya meminta Siam menerima cadangan

dari mereka atau pun kawasan itu dibiarkan kosong tanpa penyelesaian. Sebelum mencapai ke arah keputusan ini, pihak suruhanjaya dan juga Pegawai Ukur negeri Kelantan telah menyediakan laporan lengkap berkenaan kawasan terbabit.<sup>54</sup> Di samping itu, rekod-rekod yang ada di Pejabat Menteri Residen British di Bangkok tentang Bukit Jeli juga membantu mereka untuk menuntut dan meminta Siam supaya menerima cadangan mereka.<sup>55</sup> Atas kompromi, persefahaman dan kelengkapan bukti membuatkan Siam mengalah dan menerima cadangan British akan garis sempadan di Bukit Jeli.<sup>56</sup>

Satu lagi kawasan yang perlukan penjelasan lengkap ialah di kawasan perairan kepulauan Langkawi-Terutau di pantai barat. Kawasan ini tidak ditandai dengan tepat sebelumnya (Jun 1910) kerana masalah Nautical Chart yang tidak berapa tepat. Setelah seluruh sempadan selesai ditandai, dengan bantuan Nautical Chart dan pengukuran yang lebih sempurna, kawasan ini ditinjau kembali untuk ketentuan penandaannya. Pihak British telah diketuai oleh R.R. Goulding. Beliau telah membuat dua garisan penandaan dan pihak Siam kemudiannya sama-sama menyetujui garisan pertama yang membentuk:

"From the point A (Beacon No.1 of the land boundary) westward along the parallel latitude basing through A to the intersection of this parallel with the meridian 100 degrees (East of Greenwich): from this point of intersection in the northwesterly direction, (being about midway between the coasts of Setol and Pulau Langkawi), to the point of intersection (D) of meridian 99 53'E with parallel of latitude 6 42'N; from this part in a straight line to a point F midway between the S.W. corner of Pulau Terutau and the northwest

corner of Pulau Langkawi, (this line running about mid-channel between this two island; and thence in the same straight line seawards".<sup>57</sup>

Tugas penetapan tempat dan penandaan sempadan selesai sepenuhnya pada 19 Disember 1913 apabila Gabenor yang juga Pesuruhjaya Negeri Melayu Bersekutu menghantar laporan kepada Pejabat Luar Negeri di London dan juga ke Bangkok. Sebelum ini Kolonel Jackson telah menyiapkan laporannya bersama-sama peta pada 11 September 1913. Beliau<sup>58</sup> dan juga Kerajaan Siam<sup>59</sup> telah menerima Penghargaan Terima Kasih dari Kerajaan British kerana telah berjaya menjalankan tugas dengan sempurna.

Keseluruhananya, jarak dari Batu Putih hingga ke Kuala Sungai Golok/Tabai ialah sejauh 352 batu, yang mana 61 batu merupakan aliran Sungai Golok sendiri. Dalam jarak ini, seperti yang telah dijelaskan sebelum ini sebanyak 94 titik pertemuan trigonometrical dan 109 tanda sempadan telah didirikan. Ini bukanlah satu tugas yang mudah, lebih-lebih lagi pada masa itu tahap teknologi adalah rendah<sup>60</sup>

#### 6.5. Pengalaman dan Pengajaran

Apa yang boleh diambil pengajaran dari perjanjian ini dan pelaksanaannya ialah British tidak pernah mengambil perhatian kepada peristiwa dan permasalahan lampau. Bagi masalah ketidakjelasan maksud perkataan di **Bukit China** dan **Bukit Jeli**, adalah ulangan dari peristiwa yang sama dalam perjanjian pada tahun 1800, 1831, dan juga tahun 1899. Dengan melupakan perjanjian tahun 1800, British seharusnya tidak terperangkap lagi

pada tahun 1909 berdasarkan kepada pengalaman yang diperolehi pada tahun 1831 dan 1899. Pengalaman menanda sempadan pada tahun 1831 telah dijelaskan pada bab 3. Manakala pada tahun 1899, British di Perak turut terperangkap di Kuala Sengo untuk menetapkan kedudukan **Bukit Mata Kail** apabila ada dua buah bukit berdekatan yang hampir sama saiz dan ketinggiannya.<sup>61</sup> Demikian juga dengan persoalan **jarak 4 batu dari Kuala Rui**. Dalam hal ini yang menjadi persoalan ialah apakah pengukuran harus mengikut lengkok sungai atau pun pada garis rentas lurus.<sup>62</sup> Hal ini terjadi berpunca dari interpretasi maksud perkataan yang berbeza.

Di sini dapat dilihat kekuatan pemahaman pihak perunding Siam dalam memerangkap. Meski pun mereka berada jauh di utara, namun pengetahuan mereka tentang keadaan setempat di negeri Melayu tidak boleh dinafikan. Umpamanya, pada tahun 1831 Raja Ligor berjaya memperdayakan Robert Ibetson dan Kapten James Low melalui maksud **ikut garisan lurus dari Kuala Sungai Sinto ke Bukit Mertajam**, sedangkan sungai-sungai di negeri Melayu tidak pernah lurus.<sup>63</sup> Keupayaan mereka berbuat demikian kerana mereka benar-benar faham akan kawasan di sini. Semasa perjanjian tahun 1831, Raja Ligor telah berkuasa selama 10 tahun di Kedah selepas penaklukannya pada tahun 1821. Bagi perjanjian tahun 1899, kawasan Reman telah berada dalam tangan Siam sejak tahun 1785 atau sekurang-kurangnya pada tahun 1814 apabila Reman menakluki Hulu Perak. Lagi pun apabila


timbul kes tuntutan Perak sejak awal tahun 1882, mereka telah menghantar Pesuruhjaya untuk tujuan memeriksa, memerhati dan meninjau lebih dekat lagi kawasan yang menjadi pertikaian pada tahun yang sama juga. Untuk tahun 1909 pula, mereka baru sahaja selesai melaksanakan tugas mengukur di selatan wilayah Ligor, terutamanya di Patani sejak tahun 1904.<sup>64</sup> Sedikit sebanyak pengetahuan "on the ground" dapat diketahui oleh perunding Siam berbanding dengan perunding British di Bangkok yang terlalu berdiplomat dan kurang menerima pandangan dan nasihat dari Singapura. Akibatnya apabila perjanjian telah dilaksanakan, sering wujud masalah yang sama iaitu **interpretasi maksud perkataan atau ayat.**

Pengajaran lain ialah sikap mahu mempertahankan kepentingan dan nilai baik sesuatu tempat. Bagi kes Bukit China, British mahukan kawasan itu kerana kaya dengan hasil bijih timah, ramai penduduk dan mempunyai kawasan yang luas untuk tanaman padi sawah. Siam pula mahukan kawasan yang sama kerana tempat ini strategik bagi laluan darat dari Singgora ke Setol dan juga ke Perlis. Begitu juga di Bukit Jeli, Siam memilih Sungai Buloh kerana mahu mengawal laluan dari Legeh ke Kelantan, terutama di kawasan seperti di Suak Ma' Jenab di selatan Bukit Jeli yang juga menjadi pemisah punca Sungai Pergau dan Golok (Sungai Buluh). British pula berkeras di kawasan ini kerana ia kaya dengan sumber emas.

Satu lagi keupayaan wakil Siam ialah berani mengatakan tidak dan kemudian menyerahkan keputusannya kepada kerajaan. Meskipun mereka

nampak mesra dan mudah dibawa berunding namun atas kepentingan kerajaan, mereka sebagai wakil tidak pernah bertolak ansur dan muh u mengalah. Umpamanya, pada tahun 1831 wakil Raja Ligor tidak muh u menanda sempadan kerana tugas mereka hanya mengesahkan sahaja kedudukan 3 batu sempadan yang dipersetujui oleh perjanjian. Pada tahun 1899 pula, mereka telah datang meninjau terlebih awal sebelum pengesahan dan penandaan rasmi. Mereka sanggup berpura-pura tidak arif dengan memberi tahu bahawa dari rekod mereka menunjukkan kawasan yang dipertikaikan bernama Ayer Hui berbanding dengan nama **Sungai Rui**. Begitu juga dengan nama **Jeram Pala** yang disebut oleh penduduk tempatan sebagai **Jeram Paloh**. Peristiwa yang sama berlaku pada tahun 1909, bila wakil Siam berpura-pura tidak mengetahui bahawa Sungai Golok yang dimaksudkan oleh penduduk setempat adalah Sungai Weng yang mengalir dari Bukit Nasi di kawasan tenggara Tomoh mengalir ke Weng dan masuk ke ibu Sungai Golok. Nama Golok ini bukan sahaja terdapat pada sungai yang dimaksudkan, malahan sampai ke "hulu"nya juga dikenali sebagai **Hulu Golok**. Di tepi sungai ini terdapat sebuah kampong bernama **Kampong Golok** dan kualanya yang bertemu dengan sungai besar juga dikenali sebagai **Kuala Golok**.<sup>65</sup> Dalam penilaian ini, mereka tidak muh u memperakuinya kerana ia masuk ke dalam kawasan Siam, jika diperakui akan merugikan mereka. Sebaik sahaja mereka mengetahui yang British akan menunjukkan Sungai Sat, mereka dengan segera

Peta 6.3. Salah Faham Di Kuala Rui Akibat InterPritasi Maksud Perjanjian



mengistiharkan Sungai Buloh sebagai punca Sungai Golok yang kebetulan berhampiran dengan Bukit Jeli. Dengan berbuat begitu kononnya mereka telah mengikut ketetapan Protokol Sempadan.<sup>66</sup>

Cabaran lain yang dihadapi ialah kesukaran semasa membuat penetapan tempat oleh pihak suruhanjaya dan juga kumpulan penanda sempadan. Selain dari terpaksa berhadapan dengan pelbagai keadaan bentuk muka bumi, mereka juga berhadapan dengan cuaca di kawasan hutan hujan tropika monsun lembab yang sering hujan. Keadaan begini telah melambatkan kerja dan mendedahkan pekerja kepada serangan penyakit, terutamanya demam malaria dan pecah-pecah tapak kaki. Umpamanya, semasa di Kem Kaki Bukit, Perlis dan juga di Kem Sungai Rambutan, Singgora, ramai yang diserang demam malaria dan ada yang terpaksa dirawat di Pulau Pinang.

Cabaran juga dihadapi dari segi jalan laluan di sepanjang garisan sempadan dan kesukaran untuk membawa peralatan kerja mengukur dan menanda. Barang makanan juga menjadi sukar terutamanya di garisan yang tidak berpenduduk, sementara kumpulan petugas pula besar jumlahnya. Apabila ada barang makanan penduduk setempat tidak pula mahu menjualkannya. Bagi barang untuk keperluan orang barat, jauh sekali dari kedapatan.<sup>67</sup>

## **6.6. KESIMPULAN**

Sempurnanya kerja-kerja penandaan sempadan yang dijelaskan di atas, bermakna berjayanya kuasa asing dalam membina satu garisan

sempadan antarabangsa yang membahagikan negeri-negeri Melayu tradisional kepada dua buah kerajaan, iaitu Kerajaan British Malaya dan Kerajaan Siam. Garisan sempadan antarabangsa ini merupakan perkara baru dalam dunia Melayu. Walaupun sempadan antarabangsa telah selesai digariskan namun begitu persoalan mengenai hak milik kawasan masih belum selesai dan dari masa ke semasa terus dipertikaikan.

Dalam berurusan dengan British, ternyata Siam tidak mahu rugi. Setelah berjaya menguasai Pulau Terutau dan pulau-pulau di utaranya, mereka masih berkeras mahukan kumpulan pulau-pulau kecil Butang (Butang Group). Walaupun telah dapat daerah Pujuh kepada Setol dan daerah timur laut Perlis kepada Singgora, mereka masih tidak mahu bertolak ansur di Bukit China. Demikian juga bagi kawasan seluas kira-kira 8 1/2 batu persegi di Bukit Jeli, masih tidak mahu mengalah walaupun telah mendapat keseluruhan tebing kanan Sungai Golok (arah mudik) dengan keluasan lebih kurang 200 batu persegi. Demikian juga semasa Sultan Kedah mengadu kehilangan daerah Sadao bersama lebih dari 200 batu persegi daerah pedalamanya, Siam membalaikembali dengan hujah bahawa **Kedah hanya kehilangan wilayah, sedangkan Siam kehilangan sebahagian dari negerinya.**<sup>68</sup>

Dalam masa yang sama Siam mempertikaikan pula kawasan yang diakui oleh Kedah sebagai miliknya. Siam membangkitkan bahawa kawasan tersebut tidak pernah bersukat dan bertanda dan tidak juga mempunyai sempadan. Memang diakui, bahawa tidak pernah ada penandaan

sempadan sebagaimana hari ini, namun semuanya itu hanyalah sebagai helah sahaja. Siam tidak seharusnya lupa bahawa mereka yang telah memecahkan Kedah kepada beberapa kerajaan kecil yang bebas dan merdeka seperti di Patani kepada Kerajaan Setol, Perlis, Kubang Pasu dan Kedah sendiri. Apabila ada pemecahan tentulah ada kawasan dan sempadannya.

Siam mengalah di Bukit China dan juga di Bukit Jeli, namun begitu mereka telah berjaya di perairan Perlis. British terpaksa pula mengorbankan kawasan tuntutan Siam di Manangkang di sempadan Burma-Siam. Selain daripada itu mereka juga diperakui bebas menggunakan laluan Singgora Setol di sebelah selatan, walaupun sudah ada laluan di sebelah utara Bukit China yang sememangnya menjadi milik mereka. Di sini ternyata British memperlihatkan sikap bertolak ansur dengan Siam demi kepentingan perhubungan diplomatik dan perdagangan dengan Siam dan keperluannya membendung pengaruh Perancis di rantau ini. Akibatnya negeri Burma dan negeri Melayu yang berada di bawah kekuasaannya menjadi korban bagi memenuhi kehendak Siam.<sup>69</sup>

British telah memperkenalkan beberapa perkara baru yang berhubung dengan sempadan kepada pemerintah Melayu. Persempadan Cara Barat bermula dengan perjanjian dan kemudiannya kepada penandaan sempadan. Sedangkan bagi pemerintah Melayu selama ini, persempadan lebih kepada perakuan kawasan pengaruh kuasa semata-mata yang diumumkan secara lisan dan tidak sekali-kali dalam bentuk menandatangani dokumen.

Satu lagi pembaharuan yang diperkenalkan oleh British ialah menggunakan alur tengah sungai sebagai sempadan, seperti yang dilakukan di Sungai Bernam, Sungai Kerian dan juga Sungai Golok.

Dengan adanya garisan sempadan, masalah ketentuan hak milik yang memungkinkan berlakunya sebarang pertikaian tidak akan berlaku. Bagaimanapun penandaan sempadan yang berakhir pada penghujung tahun 1913 itu tidak muktamad. Ia kemudiannya banyak meninggalkan kesan sampingan kepada Kerajaan Thailand dan juga Malaysia setelah British terpaksa kembali ke negeri mereka.

## NOTA KAKI

1. Pandangan yang didedahkan oleh akhbar **Singapore Free Press** yang dipetik oleh akhbar **Pinang Gazette**, 28 Mei 1909.
2. Kenyataan ini disampaikan oleh Mr. August Katz dari Firma Katz Bersaudara yang melawat Terengganu dalam mengembangkan perniagaan mereka. Pertemuan beliau dengan Sultan Terengganu terdapat dalam surat W.R.Wood, Konsol British di Singgora kepada Beckett di Bangkok. Keterangan lanjut terdapat dalam CO 273/353: FO kepada CO, 8 Jun 1909, ff. 438-443.
3. Bantahan ini telah didahului oleh Kelantan. Lahat CO 273/343: Paget kepada FO, 28 Mei 1908, Tel., dalam Desp., FO kepada CO, 28 Mei 1908, ff. 412-414.
4. Arthur C. Adams telah mengemukakan satu memorandum bagi pihak Kerajaan Negeri Kedah kepada Pejabat Luar Negeri untuk mendapat pertimbangan dan perhatian wajar akan tuntutan Sultan Kedah. Lihat memorandum ini bertarikh 12 September 1908 dalam CO 273/353: FO kepada CO, 2 Feb. 1909, ff. 66-109.
5. Penjelasan lanjutnya terdapat seperti pada Nota Hujungan No. 2.
6. Penandatangani ini dibuat setelah pengesahan ke atas perjanjian berkuatkuasa pada 9 Julai dan beliau mendapat arahan bertulis dari Pejabat Tanah Jajahan pada 16 Julai. Peristiwaran khas bagi Perak dengan Reman sahaja dibuat kerana ia sudah ada ketetapan sempadan sebelumnya dan pengesahan persempadanan baru telah pun dibuat pada 20 Julai. Keterangan lanjut mengenai peristiwaran ini terdapat dalam HCO 914/09: Setiausaha Persekutuan Negeri Melayu Bersekutu kepada HCO, 4 Ogos 1909. Lihat juga CO 273/350: Gabenor kepada CO, 26 Ogos 1909, ff. 461-465.
7. lihat Co 273/350: Gabenor John Anderson kepada CO, 14 Jul. 1909, Tel., ff. 255-258.
8. Lihat surat Putera Devawongse kepada Beckett, 8 Julai 1909 dalam Inclosure 14, No. 1, pada surat Beckett kepada Pejabat Tanah Jajahan, 26 Julai 1909 yang terdapat dalam CO 273/354: FO kepada CO, 17 Sep. 1909, ff. 179-200. Perlu dijelaskan di sini bahawa pada 16 Julai E.W. Birch telah pun mengambil alih wilayah ini daripada Wan Husein (Luang Raj Bharakit iaitu Amphor Betong) di Kelian Intan melalui satu perbarisan polis, membaca peristiwaran oleh kedua pihak dan menurunkan bendera Siam dan menaikkan bendera Perak. Kemudiannya pada 20 haribulan pula mereka membuat

pengesahan persempadanan baru bagi negeri Perak dengan Siam yang telah dilaksanakan oleh Wan Husein dengan H. Berkeley, Pegawai Daerah Hulu Perak. Lihat E.W. Birch, "The Taking Over From Siam of Part of Reman or Rahman", JSBRAS, No. 54, 1909, hal. 147-155.

9. Lihat **Pinang Gazette**, 24 Jul. 1909.
10. Lihat akhbar **The Times**, 27 Jul. 1909.
11. Lihat **Pinang Gazette**, 19 Jul. 1909.
12. Laporan lawatan beliau ke Kedah untuk kali kedua dan ke Perlis buat kali pertamanya terdapat dalam CO 273/360: John Anderson kepada CO, 12 Jan. 1910, ff. 81-89.
13. Dalam lawatan ke Kelantan dan Terengganu pada 19-24 Julai, Gabenor John Anderson telah diiringi oleh Mejor General Perrott, Panglima Pemerintah Tentera (General Officer Commanding), dan Sir W.T. Taylor, Residen General Negeri Melayu Bersekutu. Lihat akhbar **The Times**, 19 Jul. 1909.
14. Beliau membalaas pertanyaan Paget melalui Telegram pada 31 Ogos 1907. Selain dari faktor kaum, sudah digambarkan bahawa kawasan ini mempunyai keperluan yang mereka cari di sini. Lihat laporan perundingan Paget-Strobel akhir Disember 1907 dalam CO 273/343: FO kepada CO, 29 Feb. 1908, ff. 140-155.
15. Strobel berpendirian tegas bahawa Setol adalah terpisah daripada Kedah sama ada dari segi fizikal maupun ethnografinya. Beliau berpendapat banjaran bukit yang menjadi pemisah antara Setol dengan Perlis adalah pemisah fizikal antara kedua negeri. Manakala penduduk Setol juga berbeza dengan Kedah yang ramai didiami oleh Orang Melayu, sedangkan di Setol pula ramai Orang Sam Sam yang dianggap sebagai Siam Islam seramai enam puluh peratus dari jumlah penduduk. Bakinya seramai dua puluh lima peratus baru Melayu dan China seramai lima belas peratus. Lihat memorandum beliau tentang Setol dalam surat Paget kepada Pejabat Luar Negeri pada 2 Februari 1908. Keterangan lanjut lihat CO 273/343: FO kepada CO, 9 Apr. 1908, ff. 243-260.
16. Inilah antara beberapa perkara yang mereka putuskan dalam perbincangan pada akhir bulan Disember 1907. Lihat laporan Paget kepada Pejabat Luar Negeri pada 1 Januari 1908 dalam CO 273/ 343: FO kepada CO, 29 Feb. 1908, ff. 140-155.

17. Lihat surat Paget kepada John Anderson pada 30 Januari 1908 (Inclosure 11. No. 1.) dalam CO 273/343: FO kepada CO, 24 Mac 1908, ff. 174-179, yang melampirkan surat-surat Paget dalam laporannya pada 30 Januari 1908.
18. Lihat CO 273/343: FO kepada CO, 28 Feb. 1908, ff. 136-139. Melampirkan Telegram Paget pada 27 Februari.
19. Lihat laporan Paget pada 24 Mac 1908 dalam CO 273/343: FO kepada CO, 8 Mei 1908, ff. 306-312A.
20. Kedua-dua telegram ini dapat dilihat dalam CO 273/340: Gabenor kepada CO, 29 Apr. 1908, ff. 251-278, yang melampirkan sama surat menyurat John Anderson dengan Bangkok.
21. Lihat CO 273/340: Gabenor kepada CO, 22 Apr. 1908, ff. 217-228.
22. Lihat CO 273/343: FO kepada CO, 25 Apr. 1908, ff. 283-292.
23. Lihat CO 273/343: FO kepada CO, 21 Mei 1908, Desp., ff. 362-376. Sebahagian dari ejaan Melayu (rumi) dikekalkan sedemikian rupa seperti ejaan Pulau ada yang dieja dengan Pulo.
24. Lihat kenyataan John Anderson apabila beliau mencadangkan kawasan persempadanan Perak dan kawasan di sebelah timurnya (Legeh-Kelantan) dalam bantahan dan cadangannya kepada Pejabat Tanah Jajahan. Lihat CO 273/340: Gabenor kepada CO, 22 Apr. 1908, ff. 217-228
25. Lihat telegram John Anderson kepada Paget pada 21 April 1908, (f. 272), dalam CO 273/340: Gabenor kepada CO, 29 Apr. 1908, ff. 251-278.
26. Lihat **General Report on the Operations of the Royal Survey Depaertment of Siam, Season 1905-1906**, Bangkok, Printed at The American Presbyterian Mission Press, 1908, dalam HCO 1372/1908, HBMM kepada HCO, 1 Sep. 1908.
27. Lihat laporan Beckett kepada Pejabat Luar Negeri pada 24 Ogos dalam CO 273/343: FO kepada CO, 2 Oktober 1908, ff. 526-537.
28. Lihat laporan Beckett kepada Pejabat Luar Negeri pada 24 Ogos dalam CO 273/343: FO kepada CO, 2 Oktober 1908, ff. 526-537.
29. Pertikaian sesama mereka dalam menetap tempat dan menanda sempadan di kawasan Tennasserim dapat dilihat dalam **The Burney Papers**, Vol. 1, Pt.

- 1, hal.54, 60 dan Vol. 4, Pt. 1, hal. 83-85 dan 94-196.
30. Perjanjian persempadanan antara Siam dengan Perancis ditandatangani pada 23 Mac 1907 yang melibatkan penyerahan Wilayah Battambang, Siemrap dan Sisophon. Perjanjian ini juga merupakan perjanjian muktamad tentang persempadanan bersama mereka. (....of securing the final settlement of all question relative to the common frontiers of French Indo China and Siam....). Lihat laporan Ralph Paget kepada Pejabat Luar Negeri pada 27 Mac 1907 dalam CO 273/333: FO kepada CO, 8 Mei 1907, ff. 333-352.
31. Lihat CO 273/354: HCO kepada Beckett, 2 Oktober 1909, Tel., ff. 214-216. Memaklumkan bahawa cadangan Beckett pada 18 Ogos telah dipersetujui oleh pihak Pejabat Tanah Jajahan. Lihat sama CO 273/351: HCO kepada CO, 9 Sep. 1909. Tel., ff. 121-124.
32. Lihat CO 273/354: FO kepada CO, 23 Sep. 1909, ff. 201-206.
33. Lihat pada para 8 Laporan Kolonel Jackson terhadap penyelesaian tugasnya sebagai Presiden Suruhanjaya Sempadan bagi pihak kerajaan British bertarikh 29 Ogos 1913 dalam CO 273/400: Gabenor Arthur Young kepada CO, 11 Sep. 1913, ff. 215-249.
34. CO 273/400: Gabenor Arthur Young kepada CO, 11 Sep. 1913, ff. 215-249.
35. Ibid. Lihat para 1, f. 220.
36. Lihat Minit Perjumpaan (Mesyuarat) ini dalam Fail Jabatan Ukor Malaysia, "Joint Demarcation and Survey of Land Boundary Between Malaysia and Thailand, Terms of Reference and Master Plan", 1 Januari 1977. Fail ini dirujuk semasa kajian dilakukan di jabatan tersebut pada April 1992. Selepas ini disebut **UKOR** sahaja.
37. Ibid.
38. Lihat CO 273/400: Gabenor Arthur Young kepada CO, 11 Sep. 1913, terutama ff. 220-222. Lihaat sama **UKOR**, Ibid.
39. Lihat laporan ini bertarikh 9 Februari 1910 dalam **UKOR**,
40. Lihat laporan Kolonel Jackson dalam HCO 347/10: 1 Mac 1910, Arkib Negara Malaysia.
41. Lihat CO 273/361: HCO kepada CO, awal Mei 1910, ff. 276-284.

42. Lihat CO 273/377: FO kepada CO, 17 Jan. 1911, dan 27 Jan. 1911, ff. 3-8.
43. CO 273/377: FO kepada Mr. Peel (Bangkok), 7 Feb. 1911, Tel., ff. 35-37.
44. Laporan ini terdapat dalam CO 273/400: Gabenor Arthur Young kepada CO, 11 Sep. 1913, terutamanya para 5, ff. 224-225.
45. Lihat para 5 hingga 8 laporan Kolonel Jackson dalam CO 273/400: Gabenor Arthur Young kepada CO, 11 Sep. 1913, ff. 224-226.
46. Kedua-dua laporan ini dapat dilihat dalam **UKOR, OP. Cit.**
47. Laporan tentang pertikaian ini antaranya terdapat dalam CO 273/ 374: Setiausaha Kerajaan Negeri Melayu Bersekutu kepada Gabenor, 29 Ogos 1911, ff. 651-687.
48. Laporan penuh, lihat **UKOR**,
49. Keseluruhan dari maklumat tentang bentuk muka bumi, jalan laluan dan yang berkaitannya adalah dipetik dari para 15 hingga 19 laporan Kolonel Jackson, bantuan dari pemahaman peta kegunaan Angkatan Tentera Malaysia di kawasan terbabit dan juga perbincangan dengan pihak Ibu Pejabat, Jabatan Ukor Malaysia. Laporan Kolonel Jackson terdapat dalam CO 273/400: Gabenor kepada CO, 11 Sep. 1913, ff. 215-249 (terutama ff. 236-242).
50. Ibid. Terutama para 11 hingga 14, ff. 232-236.
51. Ibid, terutama ff. 215-249,
52. Lihat Ibid terutama para 13, ff. 234-244. Lihat sama CO 273/390: Mr. Peel kepada FO, 28 Mei 1912, Tel., ff. 180-182 berkenaan Siam minta perakuan segera untuk menanda sempadan. CO 273/ 390: FO kepada Mr. Peel, 7 Jun 1912, Tel., ff. 185-187 berkenaan penerimaan British akan tuntutan Siam untuk penyelesaian kawasan ini. CO 273/402: FO Kepada CO, 7 Apr. 1913, ff. 269-288 tentang Persetujuan Siam menghantar wakil menyerahkan kawasan tersebut kepada Perlis.
53. Lihat CO 273/400: Gabenor kepada CO, 11 Sep. 1913, ff. 215-249 (terutama para 10, ff. 229-230).
54. Lihat laporan Kolonel Jackson bertarikh 3 Julai dan laporan J.M. Favell, pegawai ukor negeri Kelantan pada 31 Julai 1911 dalam CO 273/374: Gabenor

kepada CO, 29 Ogos 1911, ff. 651-687.

55. CO 273/377: FO kepada CO, 15 Nov. 1911, ff. 428-434.

56. Sir Arthur Young yang menjadi Gabenor dan juga Pesuruhjaya Tinggi Negeri Melayu Bersekutu memaklomkan persetujuannya terhadap apa yang telah diusahakan di Bangkok kepada Pejabat Tanah Jajahan dan mencadangkan supaya penandaan sempadan segera dilakukan sebelum musim tengkujuh melanda. Lihat CO 273/385: HCO kepada CO, 28 Mei 1912, Tel., ff. 382-384.

57. Lihat surat Kolonel H.M. Jackson kepada Major General Phya Sadka Bidej, 23 Oktober 1912 dalam UKOR. Manakala balasan dari Mejar General Phya Sadka Bidej, 16 Januari 1913, juga dalam UKOR.

58. Lihat CO 273/402: FO kepada CO, 21 Okt. 1913, ff. 561-568.

59. Pihak Pejabat Tanah Jajahan telah ditugaskan menulis penghargaan ini kepada Kerajaan Siam bagi pihak Kerajaan British. Lihat CO 273/402: FO kepada CO, 7 Nov. 1913, ff. 587-590.

60. Dari segi jarak, sudah ada perbezaan jumlah/angka di atas dengan laporan pendahuluan yang dikeluarkan oleh UKOR, Mereka mencatatkan jarak dari Batu Putih ke Kuala Tabai (Tak Bai) sejauh 358 batu dengan 299 batu sempadan darat dan bakinya 59 batu ialah melalui arus terdalam (thalweg) di Sungai Golok.

61. Lihat laporan H. Berkeley kepada F. Walker (Pemangku Residen Perak) mengenai penandaan sempadan di Hulu Perak dalam CO 273/262: Gabenor kepada CO, 23 Jul. 1900, f. 444.

62. Ibid., ff. 445-446.

63. Lihat kembali bab 2.

64. CO 273/340: Gabenor kepada CO, 22 Apr. 1908, ff. 217-228.

65. Lihat laporan W.H. Mackray, Pegawai Hasil, negeri Kelantan yang melawat kawasan baru selepas perjanjian. Laporannya bertajuk **Report on Visit to the New Territory**, bertarikh 10 Oktober 1910 dalam BAOK (K), No. 218/1910. Fail ini diperolehi dari Koleksi Shahril Talib, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya., Lihat sama laporan J.M. Favell, Pegawai Ukor, negeri Kelantan dalam CO 273/374: Gabenor kepada CO, 29 Ogos 1911, Desp., ff. 651-687.

66. Ibid., W.H. Mackray dalam lawatanya ke sini pada bulan September 1910 ada menyebut bahawa penduduk setempat telah tidak mahu bekerjasama dengan kumpulan topografi dan ukor dari pihak British. Masa ini telah pun timbul perbalahan samaada Sungai Sat atau Sungai Buloh sebagai punca Sungai Golok. Jika melihat pula pada laporan yang menyebut terdapatnya perpindahan beramai ramai dari kawasan Siam ke Kelantan dan mereka telah diugut jika meninggalkan negeri, seluruh harta akan dirampas. Bagi penduduk di sepanjang Sungai Golok yang dikatakan oleh Siam sebagai Sungai Weng telah diberi amaran bahawa mereka akan dipenjarakan selama tiga bulan jika mendedahkan maklumat ini kepada pihak dari British. Dengan itu mereka takut dan tidak mahu bercakap tentang geografi tempatan. Lihat Arthur Peel (Bangkok) kepada Pejabat Luar Negeri yang menyertakan surat Penasihat Kerajaan Negeri Melayu Bersekutu dalam CO 273/365: FO kepada CO, 4. Jul. 1910, ff. 180-188.

67. Ibid., Lihat laporan W.H. Mackray, Pegawai Hasil, negeri Kelantan.

68. Jawapan ini adalah sebagai membala aduan dan bantahan Sultan Kedah, Raja Perlis dan Sultan Kelantan kepada Raja Siam dan Gabenor John Anderson akan kehilangan daerah dalam negeri mereka. Sebagai jawapannya Putera Devawongse telah menulis, bagi pihak Raja Siam. Lihat surat Devawongse kepada Beckett pada 28 Julai 1909, yang antara lain berbunyi .....Siam actually sacrificed larger and more valuable areas, dalam laporan Beckett kepada Pejabat Luar Negeri pada 9 September 1909. Laporan ini terdapat dalam CO 273/354: FO kepada CO, 28 Okt. 1909, ff. 273-287. Dalam laporan ini juga telah dimaklomkan bahawa Siam dari awal lagi tidak mahu melayan protes dari ketiga tiga negeri yang terlibat apabila perkara ini dimaklomkan kepada mereka oleh wakil British di Bangkok. Mereka menyifatkan, jika protes ini diambil kira dan diberi pertimbangan, ia akan mengganggu perjalanan dan semangat perjanjian yang telah sama sama mereka persetujui serta haruslah juga mengambil kira akan penat lelah dan kerugian masa yang diambil untuk mencapai kepada persetujuan yang telah dicapai.

69. Inilah yang telah diperlihatkan bagi keseluruhan kajian dari bab 2-4.